

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 13.10.2014**

**SOALAN :**

Tuan Anyi Ngau [ Baram ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian bagi menambah Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) di Sabah dan Sarawak bagi menangani masalah keciciran di kalangan pelajar di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap keperluan pembinaan Model Khas Komprehensif (K9) di Sabah dan Sarawak bagi menangani masalah keciciran dalam kalangan murid di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, KPM telahpun mengemukakan permohonan peruntukan bagi lima (5) buah projek sekolah K9 di negeri Sarawak dan enam (6) buah projek peluasan di negeri Sabah dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.